# Dr. M: Pusat2 penyelidikan perlu diselaras

BH 18 AUG 1981

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik Bangsa-bangsa Bersatu (APDC) di sini akan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara ini dan serantau.

Perdana Menteri menegaskan, pusat tersebut diharap bukan sahaja menyediakan kepimpinan intelek tetapi juga mengendalikan masalah-masalah yang realistik di rantau ini.

"Pusat tersebut hendaklah menumpukan perhatian terhadap masalah yang dialami oleh negara-negara Asia dan Pasifik, terutama negara-negara kurang membangun," tegas beliau ketika merasmikan bangunan APDC berharga $6.06 juta di Pesiaran Duta di sini.

Bangunan 15 tingkat itu dilengkapi berbagai kemudahan seperti perpustakaan, asrama 40 bilik, bilik seminar dan sebagainya.

APDC ditubuhkan untuk menyediakan timbal balas terhadap masalah pembangunan yang timbul di kalangan negara rantau ini di samping menolong mereka mengkaji dan menganalisa cara-cara pembangunan untuk dilaksanakan dengan betul dari segi strategi, program dan dasarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, kurangnya penyelidikan di kalangan negara-negara membangun disebabkan kurangnya orientasi penyelidikan di kalangan institusi penyelidikan di sesebuah negara itu di samping masalah lain termasuk kekurangan penyelidik tempatan yang berpengalaman dan berkelayakan.

## Peranan

"Ini menyebabkan negara berkenaan menjadi tumpuan penyelidikan asing terutama penyelidik-penyelidik yang mahu mendapatkan ijazah peringkat sarjana dan kedoktoran," katanya.

Beliau menekankan betapa perlunya negara-negara membangun mengambil langkah merapatkan institusi penyelidikan masing-masing supaya projek penyelidikan dapat diselaras dengan baik, mengelakkan bertimpa-timpanya pembaziran dan hasil penyelidikan itu digunakan dengan baik untuk membuat dasar dan pelaksanaan.

Katanya, usaha-usaha yang besar mesti dijalankan bagi memastikan institusi-institusi penyelidikan diberi kepada mereka yang berkelayakan, berpengalaman dan orang yang berminat kepada kerja-kerja penyelidikan di samping keadaan sekeliling yang menarik.

Perdana Menteri menyatakan, institusi latihan memainkan peranan penting dalam pembangunan.

Katanya, sistem pelajaran menyediakan tenaga kerja manakala institusi latihan pula menumpukan perhatian kepada kemahiran.

"Di samping itu, moral dan etika meafilah diserapkan ke dalam pengetahuan dan kemahiran dan kita hendaklah mengguna dan memajukan teknologi bagi mempastikan pembangunan institusi latihan boleh memperkemaskan dirinya dalam menghadapi cabaran pembangunan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan, sudah sampai masanya untuk bertindak dan bukan sahaja dijalankan oleh sesebuah negara tetapi juga masyarakat dunia.

Kata beliau, kita tidak lagi boleh menganggap masalah hari ini merupakan masalah sesebuah negara atau rantau itu sahaja.

"Hidup sandar menyandar mestilah dipandang sebagai baik, bukan sebagai peluang dan rangka bagi memutar-belit dan tekanan dari kuasa-kuasa besar.

Perdana Menteri gembira kerana tumpuan kajian pusat tersebut buat permulaan ini meliputi bidang tenaga, jaminan makanan, tenaga manusia dan wanita dalam pembangunan.